

## FAKTOR JANTINA, KAUM, ALIRAN KELAS DAN HUBUNGANNYA DENGAN KECERDASAN EMOSI MURID DALAM MEMPELAJARI BAHASA MELAYU

(*Gender, Ethnic, Field Of Study And Their Relationship With Emotional Intelligence  
Among Malay Language Students*)

**ONG SZE CHONG**

[szechong@yahoo.com](mailto:szechong@yahoo.com)

Kementerian Pelajaran Malaysia

**ZAMRI MAHAMOD**

[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**HAMIDAH YAMAT**

[hya@ukm.my](mailto:hya@ukm.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor jantina, kaum dan etnik dan hubungandengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik murid ketika belajar Bahasa Melayu. Kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian dijalankan terhadap 400 orang murid tingkatan 4 di sepuluh buah sekolah terpilih bandar Miri, Sarawak. Soal selidik kecerdasan emosi menggunakan Inventori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer mengandungi lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan digunakan. Data kajian dianalisis menggunakan pakej perisian statistik *The Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 18.0. Statistik inferensi ujian-t, Anova satu hala dan korelasi Pearson telah digunakan untuk menghurai dan menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa profil kecerdasan emosi murid yang tertinggi ialah kecerdasan emosi mengurus emosi sendiri. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi antara jantina, kaum dan aliran pengajian murid. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kecerdasan emosi murid dengan skor min pencapaian murid dalam Bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira aspek kepelbagaian kecerdasan emosi murid dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas Bahasa Melayu. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi dapat membantu murid mencapai kejayaan dalam pencapaian akademik Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** jantina, kaum, aliran kelas, kecerdasan emosi, pembelajaran Bahasa Melayu

**ABSTRACT:** This study aims to look at gender, ethnicity, students' field of study and their relationship with emotional intelligence when learning the Malay language. The study used questionnaires research tool which was conducted on 400 students in form 4 in ten selected schools in Miri district, Sarawak. The emotional intelligence questionnaire used the Inventory Salovey and Mayer Emotional Intelligence; consisting of five domains, which are: recognising their own emotions, managing their own emotions, motivating negative emotions, recognizing emotions of others and handling relationships. Data were analyzed using the 18.0 version of *The Statistical Package for Social Science* (SPSS). Inferential statistical t-test, one way Anova and Pearson correlation were used to explain and test the hypothesis. The results showed that the highest emotional intelligence of students is emotional intelligence to manage their own emotions. The t-Test analysis showed significant differences between emotional intelligence and gender, race and the students field of study. The Pearson correlation analysis showed a significant negative relationship between emotional intelligence and pupils' achievement with the students' mean score in the Malay Language. The implications of the studies show that teachers should take into account the various aspects of emotional intelligence within students in planning teaching and learning activities in Malay Language classes. High levels of emotional intelligence can help students achieve academic success in the Malay Language.

**Keywords:** gender, ethnicity, stream, emotional intelligence, Malay language learning

## PENGENALAN

Kesedaran kepentingan kecerdasan emosi dalam pelajaran dan pembelajaran telah lama disedari oleh ahli akademik. Salovey dan Mayer (1990), pengasas konsep kecerdasan emosi menjelaskan bahawa kecerdasan emosi membolehkan para murid berfikir kreatif dan mampu menyelesaikan masalah dengan bijaksana. Oleh itu, para murid yang mempunyai kecerdasan emosi mahir dalam empat bidang iaitu mengenal pasti emosi, menggunakan emosi, memahami emosi dan mengawal emosi. Menurut Goleman (1996), 80 peratus kejayaan seseorang bergantung kepada kecerdasan emosi berbanding 20 peratus sahaja yang disebabkan oleh kecerdasan intelek (Mohd. Azhar2004). Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi memainkan peranan penting menjamin kejayaan hidup seseorang. Kecerdasan emosi merangkumi lima domain, iaitu domain mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan. Kekuatan kecerdasan emosi juga dijangkakan mempengaruhi gaya pembelajaran dan pencapaian akademik dalam kalangan murid.

Menurut Goleman (1996), kecerdasan emosi memerlukan kita mengenali dan menilai perasaan diri kita dan orang lain supaya kita dapat bertindak balas dengan lebih baik kepada perasaan tersebut. Seterusnya kita dapat menggunakan maklumat dan tenaga emosi dalam kehidupan dan pekerjaan harian kita. Habibah dan Noran Fauziah (2002) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keseluruhan optimistik, fleksibel, realistik dan kejayaan menyelesaikan masalah dan menangani tekanan tanpa kehilangan kawalan. Kecerdasan emosi di dalam kajian ini merujuk kepada definisi kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer (1990) dengan lima komponen utama iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan.

Sekolah sebagai sebuah institusi pembelajaran murid dan guru sebagai pendidik perlu berusaha menghasilkan modal insan yang berkualiti. Pencapaian akademik para murid di sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang terletak di Bandaraya Miri yang masih kurang berkualiti dapat dilihat sebagai satu masalah dalam pemindahan pembelajaran yang berkesan. Kelemahan ini mungkin ada kaitan dengan kegagalan pendidik mengambil kira perbezaan kecerdasan emosi. Ketidaksesuaian antara kecerdasan emosi para murid mampu mengakibatkan pemindahan pembelajaran yang kurang berkesan (Mohamad Zailani2001). Dengan itu, kajian ini memfokuskan kepada penyelidikan tentang kecerdasan emosi murid di 10 buah SMK di Bandaraya Miri berdasarkan jantina, kaum dan aliran.

## KECERDASAN EMOSI SALOVEY DAN MAYER

Kecerdasan ialah kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti, kepandaian, kepintaran dan kecerdikan (Kamus Dewan 2005). Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi ialah kemampuan, keupayaan atau kebolehan seseorang mengendalikan perasaan sendiri dan mampu memahami perasaan orang lain bagi membuat penilaian dan perbandingan serta menggunakan pengetahuan ini ke arah tindakan yang betul. Kecerdasan emosi dalam kajian ini adalah berdasarkan Jadual 1 kecerdasan emosi Salovey dan Mayer (1990). Pengkaji mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemahiran-kemahiran mendiskriminasi serta mengawal antara emosi diri sendiri atau emosi individu lain dan seterusnya mengoptimumkan kebaikan maklumat ini sebagai garis panduan pemikiran dan perlakuan seseorang itu.


Jadual 1: Lima jenis Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer

Jenis Kecerdasan Emosi	Ciri Kecerdasan Emosi
Mengenal emosi sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berupaya untuk menyedari emosinya semasa emosi itu menguasai dirinya</li> <li>Mengetahui dan memahami emosinya yang bakal perlahan-lahan menguasai minda akibat tekanan yang dialami dan seterusnya menguasainya</li> <li>Mampu menguasai emosinya dengan baik</li> </ul>
Mengurus emosi sendiri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keupayaan individu itu menentukan emosi negatif menguasai diri untuk sementara waktu sahaja dengan memastikan emosi negatif dapat ditangani dengan segera dan bijaksana</li> <li>Kemahiran memikir kembali rangsangan, mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif dan mengalih tumpuan masalah</li> <li>Tujuan adalah untuk membentuk diri dengan mengikis sikap rasa tidak selesa dan berwas-was</li> <li>Tidak berkeupayaan dalam berkemahiran ini bakal menghadapi tekanan.</li> <li>Bertindak mengikut emosi dan tidak mengurus emosi dengan baik dan bijaksana</li> </ul>
Memotivasikan emosi negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Percaya diri sendiri mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas yang telah diarahkan</li> <li>Boleh mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif</li> <li>Menjadikan emosi sebagai alat untuk meningkatkan kemampuan diri untuk berfikir, merancang dan menyelesaikan</li> <li>Lebih efektif dan produktif dalam segala pelaksanaan tugas</li> </ul>
Mengenal emosi orang lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersikap empati iaitu mampu memahami perasaan dan masalah orang lain</li> <li>Boleh membantu dengan cara yang lebih rasional dan positif serta membina kemesraan dan keserasian dengan orang lain dari pelbagai latar belakang</li> <li>Kemahiran membaca makna daripada unsur-unsur bukan verbal</li> </ul>
Mengendali perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal emosi orang lain dapat dilakukan apabila seseorang murid memiliki kemampuan pengurusan sendiri dan empati</li> <li>Bakal membentuk pengaruh interpersonal yang membolehkan seseorang murid mencorak dan membentuk pertemuan yang berlaku menjadi sesuatu yang positif, memberi idea kepada orang lain, mewujudkan hubungan yang erat, mempengaruhi orang lain dan membantu orang lain mendapatkan ketenangan</li> </ul>

Sumber: Salovey & Mayer (1990)

### KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Pengkaji menggunakan Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) bagi menilai kecerdasan emosi. Model ini mengemukakan lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengenali perhubungan. Kecerdasan emosi mengenali emosi sendiri menghuraikan murid yang menyedari dan memahami emosi semasa emosi menguasai dirinya. Para murid yang mempunyai kecerdasan emosi memotivasikan emosi negatif ialah individu yang percaya diri sendiri mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan serta dapat mencabar fikiran yang menimbulkan emosi negatif sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan diri. Kecerdasan emosi mengenali emosi orang lain ialah murid yang bersikap empati dengan orang lain. Kecerdasan emosi mengendali perhubungan menggambarkan murid yang memiliki keupayaan pengurusan sendiri dan empati bagi membentuk hubungan interpersonal.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian  
Adaptasi: Model Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990)

Berdasarkan model yang telah dibincangkan, kerangka konsep kajian ini telah dibina. Hasil pengubahsuaian model tersebut seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Dalam kerangka konseptual kajian, faktor jantina, kaum dan aliran pengajian ialah pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah bersandar ialah gaya pembelajaran, kecerdasan emosi dan pencapaian akademik. Berdasarkan Rajah 1, kerangka konsep kajian beranggapan bahawa kecerdasan emosi mempunyai peranan dalam pencapaian akademik. Kecerdasan emosi terbahagi kepada lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan.

### TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan antara jantina, aliran pengajian dan kaum terhadap kecerdasan emosi dan pencapaian akademik murid. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik murid. Secara khusus, tujuan kajian adalah untuk:

1. Mengetahui profil kecerdasan emosi dalam kalangan murid secara keseluruhan.
2. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina, kaum dan aliran.

### PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah profil kecerdasan emosi dalam kalangan murid?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan gaya pembelajaran, jantina, aliran dan kaum?

### HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid.  
Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan aliran pengajian murid.  
Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan kaum murid.  
Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Bahasa Melayu.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Kajian dijalankan adalah secara tinjauan dengan mendedarkan borang soal selidik sepenuhnya. Kaedah tinjauan dipilih kerana kaedah tinjauan bersesuaian dengan bilangan sampel yang ramai dan dapat menjimatkan masa dan tenaga berbanding dengan kaedah kualitatif (Mohd Majid 2005). Kaedah soal selidik juga dapat mengurangkan ralat penghitungan dan membolehkan jawapan responden dibandingkan. Kajian ini melihat enam pemboleh ubah gaya pembelajaran murid mengikut jantina, kategori kaum dan aliran persekolahan.

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid-murid tingkatan 4 dari 10 buah SMK di daerah Miri, Sarawak. Responden dipilih secara rawak berstrata dengan hanya memilih 40 orang murid bagi setiap sekolah sebagai responden kajian. Persampelan secara rawak berstrata yang bermakna populasi dibahagi kepada bahagian atau berstrata secara rawak. Tujuan persampelan dibuat secara rawak strata untuk menentukan sampel yang diwakili. Menurut Alias (1997) dan Mohd. Majid (2005), penggunaan persampelan rawak berstrata meningkatkan peluang kepada pengkaji memperoleh data yang mewakili populasi dan meninggikan ketepatan keputusan. Kemudian responden dibahagikan kepada jantina, kategori kaum (Bumiputera dan bukan Bumiputera) dan aliran persekolahan.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang dibahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A berkaitan maklumat biodata murid. Bahagian B menggunakan Inventori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990). Instrumen ini boleh dipercayai kerana telah digunakan oleh Teh Fui Kim (2001) dalam kajiannya. Soal selidik ini mengandungi 33 soalan dan terbahagi kepada lima domain, iaitu mengenali emosi sendiri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendalikan perhubungan. Kajian rintis telah dijalankan menggunakan program *Statistical Package for Sosial Sciences (SPSS)* versi 12.0. Hasil analisis menunjukkan nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ ) purata bagi item-item kecerdasan emosi. Nilai pekali kebolehppercayaan bagi soal selidik kecerdasan emosi ialah 0.714.

### Prosedur Menganalisis Data

Semua data dan maklumat kajian dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS Windows versi 12.0)* untuk memperoleh statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai, graf bar dan statistik inferensi, Anova-satu hala dan pekali korelasi Pearson bagi demografi subjek. Data deskriptif kajian ini melibatkan jenis kecerdasan emosi Salovey dan Mayer (1990). Interpretasi min berdasarkan skala Mohammed Sani et al. (1999), iaitu 4.00 hingga 5.00 (tahap tinggi), 3.00 hingga 3.99 (tahap sederhana) dan 1.00 hingga 2.99 (tahap rendah).

Statistik inferensi pula digunakan untuk menganalisis data bagi menguji hipotesis kajian. Aras keyakinan 95 peratus ( $p < 0.05$ ) digunakan untuk menentukan aras kesignifikanan statistik. Manakala pekali Korelasi Pearson digunakan untuk mengukur dan menilai hubungan antara dua atau lebih pemboleh ubah selanjar dan linear. Nilai pekali korelasi ini antara -1 hingga +1 menunjukkan tiga kemungkinan hubungan, iaitu hubungan positif (+), hubungan negatif (-) atau tiada hubungan ( $r=0$ ). Tanda (+) atau (-) masing-masing menjelaskan arah hubungan yang positif atau negatif, manakala nilai mutlaknya pula menjelaskan kekuatan hubungan. Bagaimanapun, pekali korelasi Pearson tidak

boleh digunakan untuk membuat inferensi tentang sebab dan akibat, kerana kajian korelasi tidak bertujuan untuk membuktikan sebab dan akibat (Alias 1997). Dalam kajian ini, pekali korelasi Pearson digunakan untuk menjelaskan arah dan kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik murid-murid tingkatan 4.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Responden

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid tingkatan 4 daripada 10 buah SMK di Bandaraya Miri, Sarawak. Berdasarkan kepada Jadual 1, seramai 400 murid tingkatan 4 telah dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Nisbah antara murid perempuan dan murid lelaki adalah sama rata, iaitu 200 murid lelaki dan 200 murid perempuan telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Dalam analisis kajian ini, responden telah dibahagikan kepada dua aliran pengajian, iaitu aliran Sastera dan Sains. Responden yang dipilih secara rawak telah dibuat penapisan nisbah antara aliran pengajian Sastera dan Sains. Pengkaji telah berusaha mendapatkan respon secara rawak dengan nisbah 1:1. Seramai 197 responden adalah beraliran pengajian Sains manakala 203 responden adalah beraliran pengajian Sastera. Responden yang dipilih dalam kajian ini juga telah dipertimbangkan dari segi kaum responden. Responden yang dipilih dalam kajian juga telah ditapis nisbah antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera, iaitu 1:1. Daripada analisis Jadual 1, jelas menunjukkan bahawa responden Bumiputera adalah 200 orang, manakala responden bukan Bumiputera adalah 200 orang juga. Pemilihan responden dalam 10 buah sekolah yang dipilih masih dipilih secara rawak mudah supaya dapatan kajian adalah mempunyai kesahan yang tinggi yang mana dapatan kajian boleh mewakili kecerdasan emosi populasi (murid-murid tingkatan 4) seluruh Bandaraya Miri, Sarawak dalam pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Jadual 1: Profil responden kajian

Profil	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	200	50.0%
Perempuan	200	50.0%
<b>Aliran</b>		
Sains	197	49.3%
Sastera	203	50.8%
<b>Kaum</b>		
Bumiputera	200	50.0%
Bukan Bumiputera	200	50.0%

### Analisis Keseluruhan Mengikut Kecerdasan Emosi Murid

Berdasarkan Jadual 2, didapati domain kecerdasan emosi mengurus emosi sendiri menunjukkan nilai skor min yang lebih besar berbanding domain-domain kecerdasan emosi mengenali emosi orang lain, mengenal emosi sendiri dan mengendali perhubungan yang menunjukkan nilai skor min yang sederhana. Domain kecerdasan emosi memotivasikan emosi negatif yang menunjukkan nilai skor min yang terendah. Skor min bagi domain mengurus emosi sendiri ( $M = 3.76$ ,  $SP = .493$ ), mengenali emosi orang lain ( $M = 3.49$ ,  $SP = .697$ ), mengenal emosi sendiri ( $M = 3.30$ ,  $SP = .512$ ), dan mengendali perhubungan ( $M = 3.65$ ,  $SP = .493$ ). Daripada jadual ini didapati min terendah ialah memotivasikan emosi negatif ( $M = 3.97$ ,  $SP = .529$ ). Hal ini memberi gambaran bahawa murid-murid yang terlibat dalam kajian ini mempunyai skor min pada tahap tinggi ialah domain kecerdasan emosi mengurus

emosi sendiri. Ini menunjukkan murid itu mempunyai kesedaran untuk mengatasi emosi negatif dalam diri murid dengan memastikan emosi negatif dapat ditangani dengan segera dan bijaksana. Tegasnya, profil kecerdasan emosi murid menunjukkan murid-murid dalam kajian ini mempunyai kecerdasan emosi yang baik. Walau bagaimanapun, murid-murid perlu dibantu memotivasikan emosi negatif sebagai alat untuk mengemblemkan keupayaan diri untuk merancang dan menanganinya.

Jadual 2: Skor min dan sisihan piawai domain kecerdasan emosi murid secara keseluruhan

Kecerdasan emosi	N	Min	Sisihan Piawai
Mengenal emosi sendiri	400	3.30	.512
Mengurus emosi sendiri	400	3.76	.493
Memotivasikan emosi negatif	400	3.97	.529
Mengenali emosi orang lain	400	3.49	.697
Mengendali perhubungan	400	3.65	.493

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid

Hipotesis nul 1 diuji dengan menggunakan kaedah Ujian-t. Keputusan yang diperoleh dapat dilihat dalam Jadual 3. Berdasarkan keputusan kajian, min skor kecerdasan emosi lelaki ialah 3.72 adalah lebih rendah daripada min skor kecerdasan emosi perempuan ialah 3.75. Perbezaan ini adalah tidak signifikan memandangkan  $t = -0.744$ , iaitu lebih rendah daripada  $t = 1.966$  ( $p > 0.05$ ). Jadi, hipotesis ini diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara murid lelaki dan murid perempuan pada aras keyakinan  $\alpha = 0.05$ .

Jadual 3: Min dan sisihan piawai kecerdasan emosi berdasarkan jantina murid

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t
Lelaki	200	3.72	.421	-0.744
Perempuan	200	3.75	.381	

$p > .05$

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan aliran pengajian murid

Hipotesis nul 2 juga diuji dengan menggunakan kaedah Ujian-t. Berdasarkan kepada Jadual 4, keputusan kajian mendapati bahawa skor min aliran Sains ialah 3.74 adalah lebih tinggi sedikit sahaja daripada skor min aliran Sastera, iaitu 3.71. Perbezaan ini adalah tidak signifikan memandangkan  $t = .096$ , iaitu lebih rendah daripada  $t = 1.966$ . Oleh itu, hipotesis nul ini diterima, iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi antara aliran Sains dan Sastera dalam pembelajaran pada aras keyakinan  $\alpha = 0.05$ .

Jadual 4: Min dan sisihan piawai kecerdasan emosi berdasarkan aliran pengajian murid

Aliran Pengajian	N	Min	Sisihan Piawai	t
Sains	197	3.74	.415	.096
Sastera	203	3.73	.389	

$K > .05$

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan kaum murid

Hipotesis nul 3 ini adalah menguji sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi berdasarkan kaum murid. Dalam kajian ini, kaum murid adalah terdiri daripada kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera. Ujian-t telah digunakan untuk menguji sama ada wujudnya perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera. Analisis inferensi mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi mengikut kaum. Hal ini adalah kerana  $t = 3.710$ , iaitu lebih tinggi daripada  $t = 1.966$ . Oleh itu, hipotesis nul ini ditolak, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi antara murid Bumiputera dan bukan Bumiputera pada aras keyakinan  $\alpha = 0.05$ .

Jadual 5: Min dan sisihan piawai kecerdasan emosi berdasarkan kaum murid

Kaum	N	Min	Sisihan Piawai	t
Bumiputera	200	3.81	.405	3.710
Bukan Bumiputera	200	3.67	.384	

$p > .05$

Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Bahasa Melayu

Berdasarkan Jadual 6, keputusan kajian mendapati nilai  $r = .176$ ,  $p = 0.000 < 0.01$ . Oleh itu, hipotesis nul 4 ini telah ditolak. Keputusan ini telah menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kecerdasan emosi murid dengan skor min pencapaian murid dalam Bahasa Melayu. Nilai  $r$  yang rendah menunjukkan bahawa kecerdasan emosi dan pencapaian dalam Bahasa Melayu mempunyai hubungan yang lemah. Namun, kolerasi antara kecerdasan emosi dan pencapaian Bahasa Melayu ini telah diuji kesignifikannya pada aras keyakinan  $\alpha = 0.01$ .

Jadual 6: Keputusan ujian korelasi Pearson bagi melihat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian Bahasa Melayu

Pemboleh ubah	Nilai r
Markah Bahasa Melayu Skor kecerdasan emosi	.176

$p < 0.01$

## PERBINCANGAN

### Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina Murid

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi antara murid lelaki dan murid perempuan. Hasil kajian ini selaras dengan dapatan kajian lepas seperti Roshiza (2002) dalam kajiannya ke atas 229 kanak-kanak bermasalah pembelajaran di sekolah rendah di negeri Perak dan Kedah yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan secara statistik ke atas kecerdasan emosi mengikut jantina. Begitu juga dengan kajian Mehtap dan Sadegul (2005) yang mengkaji kecerdasan emosi dalam kalangan guru di Turki. Kajian tersebut melibatkan 167 orang, iaitu 45 orang perempuan dan 122 orang lelaki, manakala dua orang tidak dapat dilaporkan. Dapatan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan yang besar di antara guru lelaki dan guru perempuan.



Namun, dapatan kajian Noorlida (2004) yang dijalankan Kuala Pilah, Negeri Sembilan terhadap 61.5% responden lelaki dan 38.5% responden perempuan tingkatan 4 mendapati, tidak ada perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Roshiza (2002), Noorlida (2004), dan Dina (2000). Dapatan kajian Su (2000) terhadap 38 orang murid perempuan dan 32 orang murid lelaki tingkatan 4 pulaa menunjukkan terdapat perbezaan terhadap kecerdasan emosi. Hal ini menunjukkan emosi seseorang berubah mengikut jantina.

Bagi Teh (2001), min kecerdasan emosi dalam kalangan murid perempuan (121.88) lebih tinggi berbanding murid lelaki (117.59). Begitu juga dapatan kajian Zabedah (2005) ke atas 130 orang murid lelaki dan 170 orang murid perempuan tingkatan 4 menunjukkan terdapat perbezaan kecerdasan emosi. Dalam satu kajian oleh Liew et al. (1999) terhadap murid sekolah rendah di Miri, mendapati lebih ramai murid perempuan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berbanding lelaki. Perbezaan kecerdasan emosi menurut Liew, Gan dan Sia (1999) disebabkan kaum perempuan dikurniakan ciri seperti keibuan, empati dan lebih beremosi yang cenderung mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi. Dapatan kajian Su (2000) dan Teh (2001), Feizah (2004), Zamri dan Ong (2008) juga menyatakan bahawa terdapat kesan yang signifikan terhadap jantina terhadap kecerdasan emosi.

Menurut Syed Najmuddin (2006), murid perempuan sensitif kepada persekitaran, mengenali dan berbincang tentang emosinya, berbanding dengan murid lelaki yang telah dilatih supaya tidak peka dengan emosi mereka. Sahin dan Francis (2002) melalui dapatan kajiannya berkaitan dengan tingkah laku remaja lelaki mendapati remaja lelaki lebih bersikap positif berbanding remaja perempuan. Norhayati (2003) dalam kajiannya juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kecerdasan emosi bagi kanak-kanak berlainan jantina. Norhayati (2003) mendapati kanak-kanak perempuan lebih menunjukkan ekspresi emosi apabila sukar mengendalikan emosinya. Wan Ashibah (2003) pula menyatakan bahawa persahabatan antara kanak-kanak perempuan dalam kalangan rakan sebayanya didapati lebih intim dan saling memahami antara satu sama lain dibandingkan dengan kanak-kanak lelaki. Kajian ini menunjukkan bahawa jantina tidak dapat menentukan tahap kecerdasan emosi seseorang murid.

Faktor utama yang menentukan kesan positif terhadap kecerdasan emosi seseorang murid ialah kaedah didikan keluarga itu sendiri. Hal ini adalah kerana kaedah didikan keluarga yang mesra dan harmoni mampu mendatangkan kesan positif kepada kelakuan seseorang anak semasa alam persekolahan nanti. Kaedah didikan keluarga yang autoritatif mudah membina keadaan yang merangsangkan agar anak-anak mahir berkomunikasi secara berkesan, mampu menguruskan tingkah laku diri sendiri dan beramanah dalam kehidupan. Selain itu, guru juga perlu merancang kaedah pengajaran yang pelbagai untuk memenuhi kecerdasan pelbagai dalam kalangan murid. Keperluan untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi murid agar mereka dapat membentuk persepsi dan tahap kecerdasan emosi yang lebih mantap terhadap kejayaan masa depan mereka amat mustahak dan harus dititikberatkan oleh guru.

### **Kecerdasan Emosi Berdasarkan Aliran Pengajian Murid**

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi antara aliran Sains dan Sastera dalam pembelajaran. Menurut Salovey dan Mayer (1990), seseorang yang mengenali emosi sendiri berupaya untuk menyedari emosinya ketika emosi itu menguasai dirinya. Dengan adanya kesedaran sendiri ini maka seseorang murid itu dapat menguasai emosi tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tanpa mengira aliran Sains ataupun aliran Sastera dalam kalangan murid. Para murid mampu memotivasikan emosi negatif agar meningkatkan prestasi kognitif dengan cara tertentu. Keyakinan diri akan menghasilkan sikap positif yang bakal bertindak sebagai penghalang kepada seseorang itu daripada terjebak dalam tekanan apabila menghadapi sesuatu masalah. Para murid yang lebih beremosi atau lebih rasional akan

mempunyai tahap kecerdasan emosi yang berbeza. Ini bermakna seseorang murid mampu memotivasikan diri sendiri untuk menangani tahap kecerdasan emosi yang rendah tanpa mengira aliran Sains atau Sastera. Mutu kecerdasan emosi merangsangkan murid untuk meneroka potensi dan bakat yang terbaik di dalam bilik darjah. Para murid berkecerdasan emosi yang tinggi dapat menyesuaikan diri dalam apa-apa keadaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran tanpa mengira aliran pengajian.

Namun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Su (2000) ke atas murid tingkatan 4 yang terdiri daripada 36 murid aliran Sains dan 34 murid aliran Sastera di sebuah SMK di Sarikei, Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran pengajian. Begitu juga Teh (2001), Noorlida (2004) dan Zabedah (2005) yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kecerdasan emosi mengikut aliran. Murid aliran Sains lebih tinggi kecerdasan emosi daripada murid aliran Sastera kerana faktor pembelajaran. Menurut Suriani (2007) murid Sains dikatakan lebih bersifat realistik kerana selalu berpandukan teori, fikiran dan bukti kajian. Mereka juga bersifat analitik, rasional dan logik. Bagi murid Sastera pula mereka lebih kreatif, berimajinatif dan beremosi.

Faktor pengetahuan sedia ada dan persekitaran sosial memainkan peranan penting terhadap tahap kecerdasan emosi dalam kalangan murid. Para murid yang menjadi responden dalam kajian ini mengalami persekitaran sekolah yang sama, iaitu belajar dan berinteraksi dalam kemudahan prasarana dan sumber tenaga yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Tambahan pula, kesemua responden belajar di 10 buah SMK yang terletak di Bandaraya Miri, Sarawak. Unsur kecerdasan emosi seharusnya disemaikan dalam semua mata pelajaran tanpa mengira aliran pengajian. Guru-guru perlu mengenal pasti dan mengklasifikasikan punca-punca mustahak yang menjadi penentu atau penghalang kepada perkembangan tahap kecerdasan emosi yang mantap. Menurut Salovey dan Mayer (1990), usaha secara berterusan mampu melahirkan golongan murid yang berkecerdasan emosi tinggi. Hal ini adalah kerana murid berupaya untuk menyedari emosinya semasa emosi itu menguasai dirinya dan mampu menguasai emosinya dengan baik. Oleh itu, persekitaran yang lebih kurang sama memungkinkan pembinaan tahap kecerdasan emosi yang lebih kurang sama dalam kalangan murid beraliran Sastera mahupun beraliran Sains. Faktor umur responden dalam kajian ini adalah antara 16 hingga 17 tahun. Ini bermakna responden dalam kajian ini di samping berpengalaman pembelajaran yang hampir serupa juga mempunyai umur yang sama. Persamaan ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan terhadap kecerdasan emosi antara murid beraliran Sastera dan Sains.

### **Kecerdasan Emosi Berdasarkan Kaum Murid**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kecerdasan emosi mengikut kaum. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Zabedah (2005) yang menjelaskan bahawa terdapat perbezaan antara kaum Melayu, Cina dan India. Responden berkaum Melayu seramai 120 orang didapati lebih memotivasikan emosi negatif berbanding dengan murid Cina berjumlah 110 orang dan murid India berjumlah 70 orang. Dapatan kajian Zamri dan Ong (2008) menjelaskan bahawa dari segi kaum di antara kaum Melayu dan Cina, responden kaum Melayu didapati lebih berbangga dengan diri sendiri, lebih sukar memenuhi hati dan tinggi pergantungan terhadap diri berbanding dengan murid Cina. Hal ini menunjukkan ada hubungan antara kecerdasan emosi dan kaum. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati murid-murid Bumiputera lebih tinggi kecerdasan emosi kerana didikan agama, adat dan persekitaran berbanding murid-murid bukan Bumiputera.

Kesan faktor kaum terhadap kecerdasan emosi berkemungkinan didominasi oleh faktor budaya di dalam keluarga. Kehidupan keluarga adalah tempat pertama kepada seseorang individu untuk mempelajari cara mengenali perasaan sendiri dan cara orang lain, bereaksi terhadap perasaannya, cara memahami pelbagai perasaan dan pilihan yang dimiliki serta masalah emosi. Menurut Noorlida (2004) anak-anak belajar melalui pemerhatiannya terhadap ibu bapa. Bagaimana ibu bapa

mengendalikan emosi akan memberi kesan kepada anak. Dalam budaya kaum Bumiputera, sifat muafakat serta mengutamakan kepentingan masyarakat melebihi kepentingan individu amat ditekankan dalam pendidikan keluarga kaum Bumiputera. Tingkah laku yang diasuh sejak kecil semasa berdepan dengan orang lain dapat membina ciri mengurus emosi sendiri, memotivasikan emosi negatif, mengenali emosi orang lain dan mengendali perhubungan yang disarankan oleh Salovey dan Mayer (1990).

### KESIMPULAN

Aspek kecerdasan emosi murid merupakan suatu perkara yang perlu diambil kira oleh para guru dalam mengenal pasti dan memahami ciri perbezaan dalam kalangan murid yang pelbagai. Pemahaman guru tentang kecerdasan emosi murid membantu para guru mengatur strategi yang bersesuaian dengan keperluan murid ketika mengajar di dalam kelas kepelbagaian latar belakang status sosial ekonomi. Sehubungan dengan itu, guru seharusnya kreatif dalam merancang pengajaran, aktiviti dan tugas untuk murid-murid agar proses pengajaran dan pembelajaran yang optimum dapat diwujudkan. Kesedaran bahawa kejayaan seseorang murid untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak. Pengkaji dapat merumuskan bahawa kelima-lima domain kecerdasan emosi ini penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi murid. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa domain unsur kecerdasan spiritual juga perlu kerana kecerdasan spiritual mempengaruhi kepada peningkatan kecerdasan emosi. Hal ini akan berlaku melalui penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang akhirnya terkesan dalam tingkah laku individu tersebut.

### RUJUKAN

- Ahmad Marzuki Zainuddin. (2001). A study of learning styles and hypermedia' organizational structure in a web-based instructional programme designed for trainee teachers at the International Islamic University Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Murid*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Baba.(1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan sains sosial*. Edisi Ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dina Arzina Mohd Husin. (2000). Kecerdasan emosi dan pencapaian akademik murid sekolah menengah luar bandar. Tesis Ilmiah. Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga. Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Feizah Mohd. Zain. (2004). Kecerdasan emosi di kalangan murid tingkatan empat : satu kajian tinjauan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Goleman, D. (1996). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. London: Bloombury.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. (2002). *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- <http://members.fortunecity.com/nadabs/research-intell2.html>. [15 November 2007]
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Johnson, K. (2001). *An introduction to foreign language learning and teaching*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Juriah Long, Nik Rahimi Nik Yusoff, Raja Fauzi Raja Musa & Siti Fatimah Mohd Yassin. (2001). Kesediaan guru-guru bahasa menyediakan persekitaran pembelajaran untuk kepelbagaian murid melalui penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Murid*. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamus Dewan*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Liew, P.G.S., Gan T.H. & Sia, P.W. (1999). Tahap kecerdasan emosi murid-murid Tahun 5 di kawasan Miri. (atas talian). <http://www2.moe.gov.my/~mpsmiri/leqnew.html> [5 September 2007]
- Mehtap Cakan & Sadegul Akbaba Altun. (2005). Adaptation of an emotional intelligence scale for Turkish Educators. *International Education Journal* 2005, 6 (3): 367-372.
- Mohamad Zailani Jaya. (2001). Kecenderungan gaya pembelajaran guru pelatih tahun dua maktab-maktab perguruan di Sarawak. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Azhar Abdul Hamid. (2004). *EQ panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Gombak: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noorlida Hashim. (2004). Satu kajian hubungan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Norhayati Ahmad Zakaria. (2003). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Railah Abu. (1991). Hubungan strategi pembelajaran dengan pencapaian akademik murid: Satu kajian kes di Fakulti yang menggunakan Sistem Gred Point Average UKM. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Roshiza Abd. Wahab. (2002). Kecerdasan emosi kanak-kanak bermasalah pembelajaran mengikut persepsi guru. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sahin, A. & Francis, L. J. (2002). Assessing attitude toward Islam among Muslim adolescents: The psychometric properties of the Sahin - Francis Scale. *Muslim Education Quality*, 19 (4): 133-145.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence: *Imagination, Cognition and Personality*, 9: 185- 211.
- Su Mee Nguk. (2000). Hubungan antara emotional intelligence/Quotient (EQ) dengan pencapaian akademik, jantina dan aliran pengajian murid tingkatan 4. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suriani Ajang. (2007). Gaya pembelajaran murid dan hubungannya dengan pencapaian mata pelajaran Biologi. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. (2007). Hubungan antara faktor kecerdasan emosi, nilai kerja dan prestasi kerja di kalangan guru Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Teh Fui Kim. (2001). Pengaruh kecerdasan emosi dan amalan keibubapaan terhadap EQ remaja. Tesis Sarjana Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Ashibah Wan Ibrahim. (2003). Kecerdasan emosi di kalangan guru sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah harian: Satu kajian perbandingan. Projek Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zabedah Ab. Razak. (2005). Hubungan gaya pembelajaran dengan kecerdasan emosi dan pencapaian akademik. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod & Ong Sze Chong. (2008). Perbandingan gaya pembelajaran Bahasa Melayu antara pelajar Bumiputera dan non-Bumiputera. *Jurnal Akademik*, 12: 1-22.